

09/11/1998

Takrif kebebasan akhbar perlu jelas, praktikal

Bakhari Ariff

MEMBINCANGKAN kebebasan akhbar sama ada secara falsafah atau amalan harian sama dengan memperkatakan soal kemerdekaan diri manusia secara individu atau masyarakat. Umumnya, masyarakat yang menikmati kebebasan hidup dan demokrasi, mempunyai akhbar yang lebih bebas.

Jika ada yang menyatakan akhbar negara ini tidak bebas dan hanya menyiarkan perkara positif mengenai kerajaan, agaknya bagaimanakah citra akhbar yang dikehendaki golongan ini? Apakah akhbar bersikap antikerajaan akan diiktiraf sebagai akhbar bebas?

Kebebasan akhbar atau kebebasan bersuara seolah-olah menjadi ideologi yang wajib diikuti pengamal media kononnya atas nama kewibawaan akhbar. Konsep kebebasan dipopularkan Barat, dan kebebasan akhbar biasanya difahami sebagai akhbar yang berani mengecam kerajaan. Jika sesebuah akhbar itu menyiarkan apa saja berita tanpa memikirkan kesannya kepada masyarakat, ia dianggap bebas.

Justeru, akhbar luar negara digambarkan secara jelasnya mengkritik kerajaan mereka tanpa mengambil kira soal pertanggungjawaban sosial. Kebanyakan wartawan Barat berpendapat kebebasan akhbar adalah perkara yang mesti dilaksanakan di sesebuah negara demokrasi.

Mereka melihat sekatan terhadap wujudnya kebebasan akhbar, sama dengan usaha mahu memperhambakan manusia lain. Oleh itu, akhbar bagi mereka sepatutnya mendedahkan maklumat yang dapat meningkatkan makna kehidupan manusia. Sama seperti kebebasan individu yang tidak bebas secara mutlak, perbincangan mengenai kebebasan akhbar mesti turut melihat tahap kebebasan yang ada, iaitu berapa banyak pilihan yang ada untuk mencapai tahap berkenaan.

Kebebasan akhbar bergantung kepada beberapa pembolehubah supaya ia dapat wujud secara bebas. Mengikut pengkaji akhbar, Mohd Safar Hashim (1996, *Akhbar dan Kuasa*), kerajaan bukan penentu mutlak kepada tahap kebebasan tetapi ia turut dipengaruhi beberapa faktor lain.

Dalam penelitiannya menggunakan pendekatan perspektif kuasa terhadap perkembangan akhbar dalam tempoh 200 tahun (1806-1990), Mohd Safar menjelaskan kebebasan akhbar bergantung juga kepada perubahan pemerintahan. Pada 1806, ciri kuasa di negara ini dikuasai Gabenor dan ciri penguasaan terhadap akhbar sangat ketat.

Pada zaman peralihan (1946-1957), kebebasan akhbar yang digerakkan Umno sudah mulai wujud walaupun terkawal. Oleh sebab rakyat negara ini memilih sistem demokrasi berperlembagaan, kebebasan akhbar juga mencerminkan pemilihan itu.

Tanpa menafikan kepentingan kebebasan bersuara terhadap makna demokrasi, Pengerusi Jawatankuasa Aduan Akhbar United Kingdom, Lord Wakeham berpendapat kewujudan demokrasi turut dipengaruhi tradisi dan sejarah negara, menyebabkan kebebasan bersuara berbeza di antara satu negara dengan negara lain.

Beliau memberi contoh di Britain, kewujudan undang-undang untuk memberi kebebasan bersuara wujud selepas Revolusi Industri yang memunculkan kumpulan kelas menengah. Wakeham mengupas kebebasan akhbar sebagai satu prasyarat proses demokrasi dalam ketika menutup persidangan dwitahunan Kesatuan Akhbar Komanwel (CPU) selama empat hari di ibu kota, baru-baru ini.

Dengan andaian beliau, kita dapat melihat kekuatan dan kematangan masyarakat diperlihatkan dengan lebih banyak kumpulan kelas menengah, akan

mbolehkan masyarakat memperjuangkan kebebasan bersuara. Beberapa abad sebelum wujudnya kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar di Barat sudah wujud perbincangan mendalam mengenai kemerdekaan individu dan hak asasi manusia. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga percaya akhbar yang dikongkong matlamat tertentu sehingga tidak lagi berpegang kepada kebenaran, tidaklah bebas. Menurut Dr Mahathir, akhbar tidak juga bebas jika ia menentang kerajaan kerana takut kepada pihak tertentu di luar kerajaan, atau takut ia tidak popular dan tidak laris.

Yang menariknya, kebanyakan pengarang terutama dari negara ketiga yang menghadiri persidangan CPU menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap kebebasan bersuara di negara masing-masing. Adakah ini bermakna kebebasan akhbar tidak pernah wujud dalam sejarah manusia?

Mungkinkah disebabkan kebebasan akhbar adalah proses berterusan iaitu sama dengan perjuangan individu untuk mencapai erti kemerdekaan sejati.

Apa pun alasannya, ideologi ini akan terus diperjuangkan di seluruh dunia. Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ditandatangani Setiausaha Agungnya, Kofi Annan dan Pengerusi Jawatankuasa bagi Kebebasan Akhbar Dunia, James Ottaway menyatakan: A free press means a free people. (Kebebasan akhbar bermakna kebebasan manusia).

Secara teorinya, kebebasan akhbar adalah sesuatu yang harus diperjuangkan setiap insan. Bagaimanapun, disebabkan makna kebebasan sangat abstrak dan relatif untuk mewujudkannya secara amali, takrif kebebasan akhbar untuk diguna pakai di negara ini perlu jelas dan praktikal.

Dalam konteks ekonomi global hari ini yang menyaksikan negara membangun seperti kebanyakan negara di Asia Tenggara termasuk Malaysia, jelas menunjukkan negara kaya boleh memanipulasi negara miskin. Spekulator yang mempunyai dana lebih 10 kali ganda dana Kumpulan Wang Amanah Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan mudah boleh menaikkan atau menurunkan nilai ringgit negara.

Kawalan terhadap aktiviti spekulator seperti diumumkan Perdana Menteri dengan menetapkan nilai ringgit pada tahap RM3.8 bagi satu dolar Amerika dan beberapa sekatan lain, jelas bertujuan melindungi negara daripada ancaman angkara spekulator. Ini bermakna permainan spekulator itu tidak adil dengan keadaan negara ini.

Jika kita mahu kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar itu wujud di negara ini rakyat terbanyak mesti menyatakan pendirian mereka dan dalam masa sama ruang polemik mengenainya perlu sentiasa dibuka kepada orang ramai sehingga ijmak (persetujuan) di kalangan rakyat tercapai.

Undang-undang yang ada setakat ini seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi (OSA) (Pindaan) 1986, Akta Hasutan 1948 dan beberapa akta berkaitan dengan penerbitan akhbar, diwujudkan kerana ia sesuai dengan keperluan semasa. Oleh sebab negara mengamalkan demokrasi, bermakna setiap akta itu juga boleh dipinda semula.

Undang-undang di sesebuah negara dicipta sesuai dengan keadaan. Setiap peraturan itu ada tujuannya. Jika masyarakat mahu mengubahnya, peraturan itu boleh diubah, asalkan `niat' dan persediaan masyarakat ke arah itu sudah tersedia.

Kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar juga perlu diperinci dari segi niat dan kesan. Sebagai contoh, ketika isu mendedahkan keburukan kerajaan dengan perkataan keramat KKN (kolusi, korupsi dan nepotisme), apakah `niat' pihak terbabit mahu memperbaiki keadaan negara? Apakah dengan tiba-tiba kerajaan sekarang mengamalkan KKN? Apa yang menariknya, pendedahan itu `dikompangkan' menjelang Perhimpunan Agung Umno.

Selain perlu melihat `niat', kita juga perlu melihat kesan terhadap sesuatu tindakan seperti sekatan terhadap kebebasan akhbar umpamanya melaporkan berita lucu dan berita menghasut orang ramai, tentu bertujuan

untuk menjaga kepentingan kebanyakan rakyat yang waras.

Akhbar milik pembangkang, misalnya, mendakwa akhbar tempatan tidak bebas dan hanya menyokong parti kerajaan, walhal akhbar rasmi parti berkenaan turut tidak berkompromi terhadap pandangan alternatif, sedangkan akhbar utama turut menyiarkan berita yang mengkritik kerajaan.

Malah, akhbar pembangkang juga tidak merangsang perkembangan pandangan bebas khususnya dalam aspek agama. Ini menunjukkan kebebasan berfikir ahli parti itu juga dihadkan. Apa yang betul kepada ahli parti itu ialah apa yang dinyatakan betul oleh pucuk pimpinan tertingginya.

Sambil kita tidak menafikan kepentingan kebebasan akhbar untuk mencapai tahap demokrasi dan hak asasi yang lebih tulen, seperti semangat insan kamil yang menjadi ideal setiap manusia, secara amalnya perkataan itu barangkali perlu ditakrifkan sebagai keseimbangan kerana perkataan itu boleh diukur secara kuantitatif manakala kebebasan adalah istilah abstrak.

Dalam keadaan biasa iaitu sebelum kegawatan ekonomi dan politik, akhbar tempatan hampir mencapai tahap berkenaan. Ada berita yang bersifat memberi maklumat dan ada yang mengkritik kerajaan. Perkembangan ini dijangka terus berlangsung dan semakin positif.

Kebebasan akhbar semakin hari semakin menyerlah dalam keadaan negara yang stabil.

Menjadi tanggungjawab media juga untuk membekalkan maklumat yang ada kepentingan orang ramai seperti masalah kesihatan dan kos penjagaan kesihatan serta penyelewengan yang mungkin berlaku. Akhbar mesti terus menjadi badan pengawas terhadap pelaksanaan pentadbiran eksekutif, kehakiman dan pembinaan undang-undang.

Dalam era teknologi maklumat, ketika orang ramai makin dikelirukan dengan berita benar atau palsu melalui Internet, kerajaan sukar mengenakan sekatan atau sengaja tidak mengenakan sekatan. Oleh itu, masyarakat perlu membuat penilaian sendiri mengenai kesahihan maklumat yang diperolehi itu.

Maklumat tidak lagi boleh disumbat ke dalam pemikiran pembaca tetapi pembaca sendiri akan membuat keputusan maklumat itu benar atau palsu kerana kebanyakan pembaca sekarang lebih terbuka kepada maklumat. Jika mereka gagal mendapatkan maklumat daripada media utama negara, mereka akan mencari maklumat daripada sumber lain. Apabila mereka mendapatkan maklumat daripada media asing yang dikatakan lebih bebas, ia membawa lebih banyak keburukan kerana wartawan asing tidak memahami keadaan sebenar negara.

Apakah kita boleh percaya sepenuhnya laporan wartawan asing yang hanya berada beberapa hari di negara ini dan terus membuat kesimpulan mengenai keadaan negara? Terpulang kepada rakyat untuk mendapatkan maklumat daripada sumber yang mereka pilih dalam dunia yang semakin mengecil dan merentasi sempadan.

Pengerusi Just World Malaysia, Dr Chandra Muzaffar dalam persidangan CPU, menyatakan akhbar tidak lagi akan berfungsi dengan sebenarnya pada alaf akan datang jika kebebasan bersuara dihadkan. Asas kepada pandangan ini perlu diteliti supaya kebebasan yang hendak diperjuangkan tidak merosakkan keamanan yang sedia wujud di negara ini.

Kebebasan akhbar dan bersuara akan menjelma dengan lebih segera apabila semua rakyat negara ini berniat baik selain berjiwa merdeka kerana seperti yang diingatkan John Holt (1972, *Freedom and Beyond*) Fear the man who feels himself a slave, He'll want to make a slave of you (Takutilah seseorang yang berasa dirinya seorang hamba, kerana orang itu mahu menjadikan anda hambanya).

Kesimpulannya, kebebasan akhbar dan sikap bertanggungjawab perlu menjadi pokok perjuangan semua orang. Ia perlu wujud selari dengan usaha membebaskan diri daripada belenggu kejahilan, kebolehan menyatakan rasional terhadap sesuatu prinsip hidup dan memantapkan amalan demokrasi.

(END)

